

## **BAB KETIGA**

### **SEJARAH MASYARAKAT ISLAM DI DESA KOTO DIAN PULAU TENGAH DAN CIRI-CIRI KHASNYA**

#### **3.1 PENGENALAN**

Bab tiga menjelaskan tentang masyarakat Islam di Desa Koto Dian Pulau Tengah berdasarkan sejarah, tempat dan bentuk pendidikan yang terawal hingga yang terbaru. Bab ini juga menjelaskan tentang sejarah masuknya Islam dan terbentuknya institusi pendidikan serta tokoh-tokoh pengasasnya. Bentuk-bentuk pendidikan yang ada berbentuk formal maupun tidak formal. Desa Koto Dian dipilih sebagai tempat penyelidikan kerana desa ini masih mengekalkan adat meskipun telah ada pemerintahan kerajaan.

Bab ini juga menjelaskan tentang gambaran penubuhan pendidikan Islam di Desa Koto Dian Pulau Tengah Kerinci yang meliputi sejarah Desa Koto Dian, Sko (warisan), sejarah terbentuknya pengajian Remaja Masjid Al-Mubaraq Desa Koto Dian, sejarah berdirinya Madrasah Tsanawiyah Negeri (MTsN) Koto Dian, sejarah berdirinya Madrasah Ibtidaiyyah No. 10/E-3 (MI 10/E-3) Koto Dian, sejarah berdirinya Sekolah Dasar Negeri 80/III (SDN 80/III) Koto Dian, terbentuknya pengajian Ibu-ibu Musalla Nurul-Hidayah dan sejarah terbentuknya Tempat Pengajian Anak Nurul-Hak (TPA Nurul-Hak).

### **3.2 KEISTIMEWAAN DESA KOTO DIAN SEBAGAI TEMPAT PENYELIDIKAN**

Desa Koto Dian Pulau Tengah merupakan tempat istimewa kerana di tempat ini penulis dilahirkan, dibesarkan serta dididik. Penulis merasa bertanggungjawab untuk menerokai tempat ini. Desa Pulau Tengah banyak menyimpan sejarah di mana dahulunya ia sebagai desa tumpuan menuntut ilmu agama dan telah menghasilkan pendakwah Islam yang cukup dikenali sehingga ke seluruh Kerinci bahkan keluar negara terutama dalam menghasilkan guru-guru agama untuk sekolah. Walau bagaimanapun, Desa Pulau Tengah sekarang ini seakan setaraf dengan desa yang baru membangun.

Jika dilihat kegemilangan ulama di Desa Pulau Tengah hanya sekadar nama dan tiada penerusnya kerana masyarakat kurang melanjutkan pengajian agama ke tahap yang lebih tinggi. Mereka hanya meneruskan pengajian yang bersifat umum. Masjid Keramat di desa Koto Tuo adalah masjid terbesar dan tertua di kabupaten Kerinci dan Kerinci merupakan suku tertua di Propinsi Jambi. Orang Kerinci termasuk puak tertua yang mendiami pulau Sumatera. Islam masuk ke Kerinci sekitar abad ke 13 masihi. Dilihat dari segi bangunan masjid Keramat hanya tiga tempat yang menyerupai masjid ini di Nusantara. Haji Ahmad Pakir al-Kerinci ulama terkemuka dizamannya yang lahir pada tahun 1902 di Desa Koto Tuo Pulau Tengah telah memberikan sumbangan kepada desa Pulau Tengah khasnya dan kabupaten Kerinci secara umum. Murid beliau yang cukup terkenal di Kerinci masa ini adalah Kiyai Hj Saleh Jamil Murabbi yang merupakan pendakwah bebas. Hal ini cukup memberi gambaran kegemilangan Islam di Pulau Tengah pada zaman dahulu khasnya sebelum kemerdekaan. Sekarang ini kemajuan ekonomi kelihatan tidak setaraf dengan kemajuan pendidikan Islam. Hal ini jelas di mana sekolah-sekolah

agama (tidak formal) yang dibentuk oleh ulama dizamannya kini telah diambil alih oleh kerajaan sehingga sistem pendidikan mengikuti sistem kerajaan, sementara di tempat lain sekolah agama (pondok pesantren) masih berdiri kukuh bersama pengasasnya.

Masalah ini cukup memprihatinkan, bukan kegemilangan sahaja yang dilupakan bahkan sejarah pun hilang dihapus zaman. Jejak langkah kegemilangan pendakwah Islam dahulu masih kekal kehari ini iaitu pemerintahan adat yang kukuh yang berdasarkan syariat Islam. Meskipun setelah kemerdekaan telah ada pemerintah secara kerajaan, masyarakat Desa Koto Dian khususnya dan Desa Pulau Tengah umumnya masih percaya pemerintahan adat merupakan pemerintahan yang boleh menjamin kehidupan yang beragama dan sebagai wadah pengamalan syariat Islam dalam masyarakat setempat.

Sejarah, pendidikan dan tamadun Islam di Desa Pulau Tengah merupakan pendidikan yang tidak boleh dinafikan untuk menatap pendidikan masa hadapan. Selain itu, sifat ingin mengetahui lebih banyak tentang pendidikan dan memajukannya di Desa Koto Dian dengan membawa informasi baharu yang didapati dari luar, baik ilmu pengetahuan mahupun pengalaman serta mengabdikan di Desa Koto Dian ini. Jika diperhatikan, Koto Dian merupakan lokasi terpenting perkembangan pendidikan di Desa Pulau Tengah dan desa sekitarnya, samada berbentuk formal atau tidak formal. Dengan adanya penyelidikan ini, penulis ingin memperkenalkan situasi Desa Koto Dian kepada negeri luar kerana desa ini mempunyai sistem pemerintahan, pendidikan, tamadun yang unik, dan panorama alam semulajadi yang indah sehingga orang ramai mengatakan tanah Kerinci

seumpama segenggam tanah dari syurga, siapa yang pergi setelah datang ke tempat ini akan rindu untuk kembali.

### **3.3 GAMBARAN TENTANG MASYARAKAT DI DESA KOTO DIAN**

#### **3.3.1 Sistem Pemerintahan**

Sistem pemerintahan di Desa Koto Dian Pulau Tengah merupakan system pemerintahan kerajaan dan juga secara adat yang disebut Sko iaitu orang yang menerima warisan. Pemerintah ini dilakukan secara monopoli. Lebih jelasnya tentang pemerintahan secara adat atau sko akan dijelaskan dalam bahagian 3.4.

#### **3.3.2 Sejarah Penumbuhan Desa Koto Dian Pulau Tengah**


Sebelum kemerdekaan, Desa Pulau Tengah terdiri dari dua desa sahaja iaitu Desa Koto Dian dan Desa Koto Tuo Pulau Tengah. Selepas kemerdekaan 17 ogos 1945, Desa Pulau Tengah terbahagi kepada empat bahagian yang ditambah desa baru kemudian disusuli lagi dengan Desa Putih. Terbahaginya Desa Pulau Tengah kepada beberapa bahagian kerana perkembangan pemukiman penduduk, bertambahnya jumlah masyarakat, dan kemajuan sektor ekonomi dan pembangunan.

Desa Koto Dian Pulau Tengah terletak antara Desa Koto Tuo dan Desa Koto Putih. Jarak Desa Koto Dian dari ibu kota Kabupaten adalah 10 km dan propinsi 450 km. Pekerjaan penduduk adalah sebagai pegawai kerajaan 8%, peniaga 9%, petani 47%, nelayan 32% dan lain-lain 4%. Penduduk di Desa Koto Dian Pulau Tengah

adalah beragama Islam. Desa ini terdiri daripada 5 Rukun Tetangga (RT), 157 Kepala Kelurahan (KK), 1 Masjid, 1 Musolla.


Desa Koto Dian mempunyai ketua kampung desa yang dipilih oleh masyarakat secara pilihanraya yang dilaksanakan oleh kerajaan. Ketua Kampung ialah Ismail Yunus S.Pd.i, Setiausaha Kampung ialah Suwario Atmaja dan Bendahari ialah Awaluddin Jamil. Selain ketua kampung, terdapat pemerintahan kadus iaitu kadus 1 oleh Salali Jumadi bahagian RT 1 dan 2, kadus 2 oleh Sararuddin Hamidi bahagian RT 3, 4 dan 5, seterusnya dibantu KRU pemerintahan oleh Juardi Hamidi, KRU pembangunan oleh Ismail Yunus S.Pd, KRU umum oleh Mukhtar Lubis S.Pd.<sup>1</sup> Pemerintah secara kerajaan dan adat dapat dijelaskan dalam organisasi sebagai berikut:

**CARTA ORGANISASI PENTADBIRAN SECARA KERAJAAN  
DI DESA KOTO DIAN PULAU TENGAH TAHUN 2009-2014 M**



<sup>1</sup> Temu bual Ismail Yunus, Ketua Kampung Koto Dian pada 12 Sep 2009 bertempat di Rumah Jalan Sawahan Koto Dian.

CARTA ORGANISASI PENTADBIRAN SECARA ADAT DESA KOTO  
DIAN PULAU TENGAH 2005-2010M



### 3.3.3 Ciri-ciri Masyarakat Desa Koto Dian Pulau Tengah

Budaya di Desa Koto Dian Pulau Tengah banyak terpengaruh dengan budaya negeri Padang (Sumatera Barat). Ini kerana kerinci dahulunya termasuk dalam wilayah Minangkabau. Budaya atau tradisi ini adalah seperti baju pangantin, masakan, dan cara penghidupan orang Kerinci iaitu suka berhijrah. Mereka bekerja dan menuntut ilmu di perantauan bahkan ada yang berekahwin dan menetap di sana. Ini nampak sekali jika ada perayaan hari besar agama seperti hari raya aidil fitri, orang ramai akan balik kampung sehingga bas pengangkutan penuh dan tidak mencukupi. Setelah perayaan, keadaan kampung menjadi sepi dan yang ada hanyalah kanak-kanak yang belajar dan orang-orang tua.<sup>2</sup>

Tarian yang ada di desa ini seperti tarian menggagah harimau yang kekal sampai hari ini dan dipersembahkan ketika pesta budaya Kerinci seperti pesta danau Kerinci di Desa Sanggarang Agung Kecamatan Keliling Danau. Tarian ini merupakan satu tarian

<sup>2</sup> Temu bual Amir Djamudin, Alim Ulama Koto Dian dan Telago pada 24 Sep 2009 bertempat di Rumah Jalan Pahlawan Koto Dian.

khas Desa Pulau Tengah. Dahulu tarian ini diadakan apabila terdapat seekor harimau yang mati di sekitar desa ini. Maka anggota yang empat jenis (depati ninik mamak, cerdik pandai, alim ulama, hulubalang) dengan seluruh lapisan masyarakat membuat acara ritual untuk menyelamatkan jasad harimau tersebut agar harimau yang masih hidup tidak mengganggu ketenangan penduduk.<sup>3</sup>

### 3.4 SKO (warisan)<sup>4</sup>

Selain kerajaan Desa atau Kepala Desa (ketua kampung), terdapat juga pemerintahan secara adat<sup>5</sup> atau hukum adat, biasanya dinamai orang yang menerima Sko (warisan). Sko adalah barang yang berbentuk pusaka seperti keris dan pedang. Orang yang menerima warisan Sko (pusaka) adalah orang yang sangat dihormati di kalangan masyarakat. Orang yang memegang sko dipertanggungjawabkan kepada orang yang belum pernah menerimanya dan menerima sko hanya sekali.<sup>6</sup> Asas hukum adat adalah hukum syariat Islam dan tradisi nenek moyang yang telah diselaraskan dengan ajaran Islam.

Orang yang menerima sko atau warisan diberikan kepada masyarakat keturunan desa untuk memerintah secara adat. Mereka ini adalah orang yang bersih dari segi keturunan seperti mereka tidak merupakan anak yang dilahirkan secara tidak sah menurut perundangan Islam. Anak yang dilahirkan di luar nikah menurut perundangan Islam serta anak cucunya tidak akan diberi sko. Pemerintahan ini dipegang selama lima

---

<sup>3</sup> Pemda Kerinci (2005), *Secupak Tanah Surga*. Sungai Penuh: Dinas Kebudayaan, h. 23.

<sup>4</sup> Sko adalah barang yang berbentuk keris dan pedang yang ditinggalkan oleh nenek moyang secara turun temurun sebagai lambang warisan. Barang Sko akan diserahkan kepada anggota Sko. Anggota penerima Sko inilah di sebut anggota adat dan menjalankan kepemimpinan secara adat, dan adat pula berasaskan syariat Islam.

<sup>5</sup> Adat adalah peraturan yang diamalkan turun temurun sejak dahulu kala di dalam suatu masyarakat sehingga menjadi hukum yang harus dipatuhi.

<sup>6</sup> Temu bual Ismail Yunus, Ketua Kampung Koto Dian pada 12 Sep 2009 bertempat di Rumah Jalan Sawahan Koto Dian.

tahun. Orang yang yang menerima sko adalah orang yang belum pernah menerimanya sebelum ini. Meskipun mereka belum berpengalaman tetapi mereka dipilih kerana di anggap mereka boleh memegang amanah ini. Jika mereka sudah menerima sko, mereka akan dibimbing dan diajarkan bagaimana menjalankan sko oleh anggota ninik mamak atau orang yang banyak mengetahui tentang sko dan banyak mendalami ilmu agama. Mereka bertugas menjaga amanah masyarakat terutamanya di dalam masjid dan memeliharanya. Jawatan ini dibebankan kepada orang yang belum pernah memegang sko agar masyarakat tahu tentang sko dan merasakan bagaimana menjadi anggota sko. Anggota sko akan terlibat dalam aktiviti adat dan kemasyarakatan. Anggota sko ini adalah orang-orang yang dihormati dan disegani oleh masyarakat. Menjadi anggota sko merupakan tanggungjawab yang besar. Ketika menjadi sko mereka harus menjaga maruah mereka meskipun sudah pencen menjadi anggota sko kerana mereka menjadi contoh dalam kehidupan bermasyarakat.<sup>7</sup>

Jika mereka tidak menjaga maruah diri atau melanggar perundangan agama dan adat yang dianggap tidak boleh dimaafkan atau kesalahan itu besar, mereka akan dipandang rendah oleh masyarakat dan mereka tidak boleh memegang apa-apa tanggungjawab lagi dalam adat atau aktiviti masyarakat.<sup>8</sup>

Jadual 3.1: Anggota Adat Desa Koto Dian Tahun 2008-2013

NO	NAMA	JAWATAN	
1	Azhari bin Yakub	Pemangku adat (ketua adat)	Anggota depati mamak
2	Tiuh bin Karim	Ahli besar	
3	Syaiful bin Jakfar	Malin sultan (wali adat)	
4	Ramli bin Rahman	Depati telago	
5	Dr Ishak harsyad	Depati coyang	
6	Jon Kamidi bin Daud	Depati mudo	

<sup>7</sup> Temu bual Zainuddin Umar, Alim Ulama dan Tokoh Masyarakat Koto Dian dan Telago pada 27 Sep 2009 bertempat di Rumah Jalan Sawahan Koto Dian.

<sup>8</sup> Temu bual Alwi Karim, Cerdik Pandai Koto Dian pada 24 Sep 2009 bertempat di Rumah Jalan Pahlawan Koto Dian.



1	Alwii bin Karim	Pembicara	Anggota adat (cerdik pandai)
2	Ahmad Midik	Pembantu I	
3	Syamsudin bin Latif	Pembantu II	
1	Syamsurjan bin Baharusan	Ketua pemuda	Anggota pemuda
2	Ujang bin Marjan	Ulubalang I	
3	Nasution bin Abdullah	Ulubalang II	
1	Jusfarizal bin Maddin	Tuan tik (baca khutbah)	Ahli empat
2	Imran bin Masrif	Imam masjid	
3	Jilisme bin Khasim	Tukang bilal (azan dan qamat) I	
4	Ahmad bin Matan	Tukang bilal (azan dan qamat) II	
5	Khudri hamzah bin Yaqub	Tuan qadi (tukang nikah)	
1	Amir bin Djamudin	Mengajar mengaji bagi calon pengantin dan pendakwah bebas	Alim ulama
2	Hj. Zainuddin umar		

### 3.4.1 Cara Pemberian Sko.

Orang yang menerima Sko adalah orang yang memiliki tali jalur kekeluargaan dari nenek moyang dan Sko tidak boleh dipegang oleh seseorang secara berterusan. Pemberian atau pertukaran penerima Sko adalah dengan cara pilihanraya 5 tahun sekali. Seseorang layak menerima Sko sekali seumur hidup. Pencalonan Sko tidak boleh diajukan oleh calon sendiri dan pencalonan anggota Sko yang telah ditetapkan tidak boleh ditolak.

Pemerintahan dengan cara Sko atau perundangan adat adalah tidak bertulis. Bagi yang melanggar adat akan dikenakan saman seperti segantang beras dan kepala seekor kambing. Semakin besar kesalahannya, semakin besar saman yang akan dikenakan. Bagi yang ingkar dengan adat akan dikeluarkan dari kekeluargaan desa yang beerti namanya tidak tercantum di dalam buku besar masyarakat walaupun masih dibenarkan menduduki desa. Bagi yang dikeluarkan dari desa atau ingkar adat, apabila melakukan kenduri, mereka tidak akan dikunjungi kepala adat dan anggotanya dan tidak diberitahukan kepada masyarakat ramai. Apabila terjadi kematian, mereka tidak akan diumumkan di masjid atau secara besar-besaran. Pada umumnya hanya diketahui oleh

pihak keluarga sahaja dengan cara percakapan atau isu dari mulut ke mulut dan jika ada perkara yang berlaku tidak diselesaikan atau tidak ada yang masuk campur dari pihak adat, maka mereka mengurus secara sendiri atau kekeluargaannya sahaja.

Peraturan adat adalah mutlak dan tidak boleh diganggu gugat oleh kerajaan desa atau kerajaan negara. Sistem kerajaan adat adalah sistem monopoli. Walau bagaimanapun, hukum yang dibuat adalah atas persetujuan dan mesyuarat masyarakat dan anggota Depati Ninik Mamak serta cerdik pandai yang dihormati.

Anggota adat yang melanggar peraturan adat tidak dikenakan apa-apa bentuk saman seperti masyarakat yang melakukan kesalahan, tetapi mereka akan ditegur oleh masyarakat melalui para alim ulama atau orang yang mengerti dengan Sko. Para alim ulama ini adalah orang yang pernah menerima Sko.

#### **3.4.2 Tugas Pemerintahan Adat**

Orang yang menerima Sko ( warisan) juga di sebut Depati Mamak dan ahli empat kerana anggota Depati Mamak terdiri daripada orang yang empat. Mereka bertugas di Masjid Al-Mubaraq iaitu yang memahami tentang peraturan keagamaan dan peraturan desa. Tugas pemerintahan adat atau anggota adat tidak terbatas pada pemerintahan masyarakat desa sahaja. Pemerintahan adat juga terlibat jika sekiranya kerajaan berhubungan dengan keperluan desa.

Anggota Depati Mamak adalah orang yang memerintah desa secara adat yang bercorakan tamadun Islam iaitu sesuai dengan syariat Islam. Tugas Depati Mamak juga mengurus masyarakat ingin masuk dusun, orang meninggal dan majlis kenduri. Anggota

Depati Ninik Mamak merupakan anggota yang mempunyai jawatan tertinggi untuk memerintah. Anggota ini juga melibatkan diri untuk tugas yang lain selain tugas yang telah ditetapkan.

Anggota adat atau cerdik pandai iaitu Alwi bin Karim, Ahmad Midik dan Syamsuddin bin Latif adalah orang yang bertugas sebagai pengacara majlis baik pembukaan mahupun penutup secara adat serta bertugas serah terima segala hal pembayaran (kewangan seperti denda). Selain itu, tugas cerdik pandai juga mendamaikan orang yang berselisih faham antara satu keluarga lain. Jika tidak boleh diselesaikan, mereka akan dibawa kepada Depati Mamak untuk dikenakan denda. Sekiranya mereka tidak mahu berdamai, mereka dianggap ingkar atas peraturan adat dan mereka boleh dikeluarkan dari adat jika masalah mereka sangat serius. Apabila masyarakat yang keluar adat ingin kembali menjadi anggota masyarakat, pemerintahan secara adat harus mengadakan kenduri dan memanggil anggota adat. Hal ini disebut masuk buku adat. Hal ini juga berlaku bagi anggota masyarakat baru yang ingin menyertai adat. Masuk buku juga berlaku bagi pihak lelaki berkahwin dengan perempuan luar desa dan ingin menetap di desa ini dan bagi mereka yang berkahwin di luar desa.

Anggota pemuda bertugas sebagai linggang iaitu orang yang memberikan informasi dalam masyarakat dengan cara diumumkan di atas masjid atau keliling kampung dengan dua orang; yang pertama bertugas membawa dan memukul gong dan seorang lagi menyampaikan informasi dengan suara yang lantang. Tugas linggang juga adalah tempat pengaduan masalah sebelum disampaikan kepada ahli orang empat. Anggota adat juga bertugas mengurus mayat termasuk ahli empat.

Ahli empat adalah orang yang bertugas di dalam masjid yang mengurus aktiviti di dalam masjid serta menguruskan perkahwinan dan semua bentuk kenduri. Sekiranya masyarakat ingin mengadakan kenduri, maka dilaporkan kepada anggota adat atau cerdik pandai, kemudian akan dihadiri oleh ahli empat sebagai pembimbing kenduri tersebut dan akan menyebutkan hukum adat yang harus dijelaskan bagi yang mengadakan kenduri.

Alim ulama atau orang Tua Adat adalah orang yang banyak mengetahui adat, orang yang pernah menjadi Depati Mamak atau orang ahli empat. Mereka bertugas untuk mengajar mengaji kepada calon pengantin dan menjelaskan tentang ajaran Islam, menerangkan masalah pernikahan serta persiapan sebelum dan setelah berkahwin. Pengajian ini dilakukan selama tiga hari berturut-turut dan dihadiri kedua calon pengantin dan seorang pendamping. Alim ulama juga merupakan pendakwah bebas yang dihormati yang merupakan seorang yang dianggap sangat mengerti tentang Islam.

Pemerintahan ini memerintah secara monopoli dan keputusan adalah mutlak. Gaji atau upah bagi pemerintahan adat diberi di atas setiap tugas yang dilakukan dan gajinya tidak menentu dan tidak ditetapkan. Mereka akan mendapatkan zakat setiap tahun. Meskipun pemerintahan secara adat tapi tetap ada kerja sama dengan pihak kerajaan.<sup>9</sup>

### **3.5 SEJARAH KEMASUKAN ISLAM DI DESA KOTO DIAN PULAU TENGAH.**

Setakat ini belum ada sejarawan atau penulis yang menyatakan tarikh kedatangan Islam masuk ke Desa Koto Dian Pulau Tengah. Walau bagaimanapun, bukti sejarah

---

<sup>9</sup> Temu bual Alwi Karim, Cerdik Pandai Koto Dian pada 24 Sep 2009 bertempat di Rumah Jalan Pahlawan Koto Dian.

menunjukkan masuknya Islam ke Kerinci adalah melalui pendekatan arkeologi iaitu melalui sejarah dan budaya. Lembah kerinci juga dikenali sebagai tempat bermukimnya masyarakat melayu tua yang disebut suku Kerinci. Bukti sejarah lainnya adalah masjid Keramat yang merupakan masjid tertua di kabupaten Kerinci.

Berdasarkan bukti arkeologi atau sejarah dan budaya tentang sejarah masuknya Islam ke Kerinci adalah lebih kurang pada pertiga abad ke-16 atau tahun 1785. Dapat difahamkan masa itu jugalah Islam bertapak di Desa Koto Dian Pulau Tengah dengan bukti kewujudan Masjid Keramat (Masjid Keramat – 1785) dan tokoh pendidikan serta pengasas Islam (Haji Ahmad Faqir Al-Kerinci – 1902) yang dilahirkan di Kerinci, menetap dan meninggal dunia di Desa Koto Tuo Pulau Tengah dan dikebumikan di perkuburan Islam Koto Tuo Pulau Tengah.<sup>10</sup>

Kesimpulannya, Islam telak bertapak di Desa Pulau Tengah sebelum dibina Masjid Keramat iaitu pada 1785. Sebelum dibina Masjid Keramat, tapak tersebut sudah dijadikan tempat sembayang sejak beberapa abad. Tanah tersebut merupakan tanah terbuka tanpa bangunan dan ianya mulai dibina sebagai masjid pada 1718.<sup>11</sup> Kemudian dibina secara sempurna pada 1785 dengan senibina yang dilihat sekarang.<sup>12</sup>

### **3.6 PENGAJIAN REMAJA MASJID AL-MUBARAK DESA KOTO DIAN**

Terbentuknya remaja masjid berdasarkan saranan masyarakat kerana dilihat tiada kegiatan agama bagi remaja dan sekaligus untuk memakmurkan masjid. Kegiatan remaja yang bersifat keagamaan diperlukan kerana pengajian yang ada setakat ini ramai

---

<sup>10</sup> Temu bual Zainuddin Umar, Tokoh Masyarakat dan Tokoh Adat Koto Tuo pada 23 Sep 2009 bertempat di Jalan Sawahan Koto Dian Pulau Tengah.


<sup>11</sup> Pemda Kerinci (2001), *Adat dan Budaya Daerah Kerinci*. Sungai Penuh: (T.P), h. 27.

<sup>12</sup> Tahar Ramli (1999), *Sejarah Pembangunan Masjid Keramat*, (T.T.P): (T.P), h. 1.

dihadiri oleh anak-anak, orang dewasa, dan warga emas sedangkan remaja merupakan pemimpin masa hadapan. Dengan keadaan ini, maka dirasmikanlah pengurus remaja Masjid pada Sabtu 21 November 2009 jam 20:20 WIB, bertempat di rumah tuan qadi iaitu Hudri Hamzah bin Yakub.

Organisasi ini dibentuk sebagai wadah generasi muda untuk menambah pengetahuan dalam bidang keagamaan selain untuk meningkatkan *ta'aruf* (kenal-mengenal) yang lebih dikenali dengan sebutan Silaturrahim. Organisasi ini terdiri daripada 50 orang anggota, dan kegiatan ini disebut Pengajian Remaja Masjid al-Mubarrak yang merupakan salah satu kegiatan yang diadakan oleh remaja Masjid.<sup>13</sup>

**CARTA ORGANISASI PENTADBIRAN REMAJA MASJID  
AL-MUBARAK DESA KOTO DIAN PULAU TENGAH**



Jadual 3.2: Pengurus Remaja Masjid al-Mubarak Tahun 2009.

NO	NAMA	JAWATAN
1	Novera Isnani Ismil S.Pd.I	Penasihat
2	Ahmad Rokhim bin Nasrun SH	Pengetua
3	Agus Hendriyanto bin Jamuri	Wakil
4	Yulisa binti Yulismi	Setiausaha
5	Vivin binti Khasmir	Bendahari

Sumber : Dokumentasi Remaja Masjid al-Mubarak 2009.

<sup>13</sup> Temu bual Ahmad Rokhim Narun, Ketua Remaja Masjid Al-Mubarak Koto Dian pada 13 Sep 2009 bertempat di Rumah Jalan Surya Pagi Koto Dian.

### **3.7 MADRASAH TSANAWIYAH NEGERI DESA KOTO DIAN (MTsN)**

Madrasah Tsanawiyah Negeri (MTsN) Koto Dian Pulau Tengah merupakan lembaga pendidikan yang terletak di Desa Koto Dian Pulau Tengah. Berdirinya madrasah ini merupakan tindak balas masyarakat terhadap pendidikan. Pada mulanya Madrasah Tsanawiyah Negeri Koto Dian Pulau Tengah ini merupakan sekolah pergerakan Muhammadiyah (SPM) yang sudah berdiri semenjak tahun 1926.

Pada tahun yang sama, atas penyertaan masyarakat Pulau Tengah, terbentuklah sebuah Madrasah Muhammadiyah yang khusus belajar al-Quran atau dapat dikatakan sebagai taman kanak-kanak, walaupun muridnya sudah remaja bahkan ada yang dewasa dan tua. Tempat belajar pada masa itu menggunakan rumah guru dan belum ada prasarana pendidikan formal seperti sekarang ini. Madrasah Muhammadiyah dipimpin oleh Hj. Taher bin Abdullah dan dibantu oleh beberapa guru yang sukarela mengabdikan kepada Madrasah Muhammadiyah ini.

Kemudian didirikan pula Madrasah Ibtidaiyah yang merupakan lanjutan dari Madrasah Muhammadiyah. Pada tahap ini, pelajar mulai diajarkan dengan ilmu nahu, sorf, feqah, tasauf dan lail-lain. Madrasah Muhammadiyah dan Madrasah Ibtidaiyah dipimpin oleh Hj. Taher bin Abdullah. Beliau merupakan seorang ulama karismatik yang menetap di Desa Koto Dian Pulau Tengah dan merupakan orang yang membangunkan madrasah ini. Bersama beliau dalam membangunkan madrasah ini ialah H Abdul Latif, Hj Dahlan bin Zakaria, Hj Suhaimi bin Umar dan beberapa orang yang lain. Sementara guru-guru yang bertugas selain nama yang disebutkan ialah Rahmi Madin, Nukman Nuh, Mohd Zen Safri, dan Hj Salahuddin Muhammad Zain.

Melihat perkembangan Muhammadiyah yang semakin pesat pada tahun 1947 Madrasah Muhammadiyah dikembangkan menjadi Madrasah Tarbiyah Ibtidaiyah (MTI) dengan tempoh pembelajaran selama tujuh tahun. Keadaan ini bertahan hingga tahun 1950. Pada tahun 1950-1956, Madrasah Tarbiyah Ibtidaiyah telah dibahagi menjadi tiga bahagian iaitu Madrasah Ibtidaiyah Swasta (MIS), Madrasah Tsanawiyah Muhammadiyah (MTsM) dan Madrasah Tsanawiyah Swasta (MTsS).

Pada tahun 1963, MTsN berubah statusnya menjadi Pendidikan Guru Agama 4 tahun. Dengan itu, MTI hanya tinggal dua madrasah lagi iaitu MIS dan MTsS. Hampir semua tenaga pengajar di Sekolah Pendidikan Guru Agama 4 Tahun (PGA 4 Tahun) adalah tenaga guru bantu. Bangunan yang digunakan pada tahun-tahun pertama menumpang bangunan swadaya masyarakat yang terletak di hadapan Masjid Al-Mubaraq. PGA 4 Tahun sekarang ini dipimpin oleh H. Manaf Latif. Kukurikulum PGA 4 Tahun sama dengan Kukurikulum MTsS. PGA 4 Tahun ini beroperasi selama empat tahun dari tahun 1964 hingga 1967. Pada akhir tahun 1967, PGA 4 Tahun berubah lagi menjadi MTsN yang dilihat sekarang ini dan ia telah dirasmikan pada 5 Mei 1967 oleh Menteri Agama Dr. R. H. AR. Mulyadi Mato Sudarmo. Berdasarkan hasil perbincangan pemuka masyarakat 4 Desa, satu kata sepakat diambil dengan menempatkan lokasi MTsN di Dusun Koto Putih Desa Pulau Tengah kerana masyarakat Koto Putih tunduk kepada adat istiadat Desa Koto Dian Pulau Tengah.

Pada peringkat awal, MTsN Pulau Tengah ini tidak mempunyai bangunan sendiri sehingga terpaksa menggunakan bangunan asal (Bangunan MIS). Pada tahun 1980, pihak pemerintah membina bangunan khusus untuk MTsN. Lokasi MTsN terletak di dusun Koto Putih yang jarak lebih kurang 1 kilometer dari Gedung MIS. Bangunan MTsN didirikan di atas tanah wakaf masyarakat. Begitu semangatnya



masyarakat Pulau Tengah sehingga mewakafkan tanah mereka untuk menjadi lokasi pembangunan MTsN. Untuk pembangunan pertama, didirikan satu unit bangunan 4 lokal 3 ruangan digunakan sebagai kelas dan satu ruangan digunakan untuk pejabat.

Seiringan pembangunan bangunan ini, pengetua MTsN diganti pula dengan Hamdan Mukhtar dan beliau memegang jawatan tersebut selama 6 tahun (1981-1986M). Pada tahun 1983, dibina satu unit bangunan yang khusus untuk pejabat dan ruangan kelas menjadi 4 kelas. Kemudian pada tahun 1986, dibina lagi 1 unit ruangan belajar 3 kelas sehingga ruangan belajar menjadi 7 kelas.

Madrasah Tsanawiyah Negeri (MTsN) Koto Dian Pulau Tengah Kabupaten Kerinci terletak di jalan lintas dari Sungai Penuh menuju Kota Jambi. Di sekitar bangunan MTsN ini terdapat sawah, pemukiman penduduk dan tasik Kerinci. Madrasah Tsanawiyah Negeri (MTsN) dibina di atas tanah seluas 150M dan lebar tanah 100M dengan keadaan bangunan yang cukup baik dan dengan batasan sebagai berikut:

- a. Sebelah utara berbatasan dengan danau Kerinci
- b. Sebelah timur berbatasan dengan perumahan penduduk
- c. Sebelah barat berbatasan dengan kebun rakyat.
- d. Sebelah selatan berbatasan dengan jalan raya menuju Kota Jambi

Keadaan bangunan MTsN cukup selesa. MTsN mempunyai 9 bangunan sendiri yang dilengkapi dengan 9 ruang kelas 9 kelas, 1 ruang guru dan pejabat, 1 perpustakaan, 1 musalla, 6 bilik air, juga dilengkapi dengan 2 mesin ketik dan 2 unit komputer, beberapa meja dan kerusi. Semua ini merupakan bantuan dari jabatan DEPAG Kabupaten Kerinci kecuali komputer yang dibeli sendiri oleh pihak sekolah.

Berikut ini adalah tokoh yang pernah memimpin madrasah ini semenjak dari MTsM, MTsS, PGA 4 Tahun 1926 sehinggalah MTsN yang dikenal sekarang ni.

Jadual 3.3: Nama-Nama Tokoh Yang Pernah Menjadi Pengetua MTsN Koto Dian Sejak Tahun 1926-2007.

NO	NAMA	JAWATAN	TAHUN
1	Hj Taher bin Abdullah	Ketua SPM/MM	1926-1947
2	Hj Abdul Latif	Ketua MTsM/MTsN	1950-1959
3	Hj Manaf Latif	Ketua MTsN	1959-1967
4	Hj Manaf Latif	Ketua MTsN	1967-1976
5	Hj Zainuddin Umar	Ketua MTsN	1976-1981
6	Hamdan Mukhtar	Ketua MTsN	1981-1986
7	Drs Zainal Abidin Yakub	Ketua MTsN	1986-1987
8	Drs Wahab Ilyas	Ketua MTsN	1987-1992
9	Drs Bustam Salim	Ketua MTsN	1992-1996
10	Drs Syaipuri Akim	Ketua MTsN	1996-2001
11	Drs Ruslan Hj. Salimi	Ketua MTsN	2001-2002
12	Drs Usmardin Usman	Ketua MTsN	2002-2004
13	Drs Khudri Hamzah	Ketua MTsN	2004-2005
14	Drs Rahmaton Darwoso	Ketua MTsN	2005-2007
15	Drs Hatimsurya Tarmizi M.PdI	Ketua MTsN	2007-Sekarang

Sumber Data: Dokumentasi MTsN Koto Dian, Tahun Pelajaran 2009.

### **3.8 MADRASAH IBTIDAIYAH NO. 10/E-3 (MI 10/E-3) DESA KOTO DIAN**

Madrasah Ibtidaiyah No. 10/E-3 (MI 10/E-3) Koto Dian Pulau Tengah dahulunya adalah Madrasah Muhammadiyah. Madrasah ini dipimpin oleh Hj.Taher bin Abdullah. Bangunan yang diduduki adalah bangunan pemuda yang dibina pada tahun 1932. Madrasah Muhammadiyah kemudiannya diganti nama dengan Madrasah Ibtidaiyah Swasta (MIS) pada tahun 1950-1956. Pada tahun 1950-1956, madrasah telah terbahagi kepada tiga bahagian Madrasah Ibtidaiyah Swasta (MIS), Madrasah Tsanawiyah Muhammadiyah ( MTsM ), dan Madrasah Tsanawiyah Swasta (MTsS).

Madrasah Ibtidaiyah Swasta (MIS) dirasmikan oleh kerajaan pada tahun 1994. Pada tahun 2007, MIS diganti dengan nama Madrasah Ibtidaiyah No. 10/E-3 ( MI 10/E-3 ) Koto Dian Pulau Tengah dengan harapan akan menjadi Madrasah Ibtidaiyah Negeri (MIN) iaitu madrasah yang dirasmikan oleh kerajaan dan semua pembiayaan ditanggung oleh kerajaan termasuk membina bangunan, membeli barang-barang pejabat serta gaji guru. MIN sekarang ini telah mempunyai murid rasmi yang terdiri dari dua kelas. Sebelum ini, MIN terdiri dari murid ganda iaitu murid yang belajar di sekolah pada waktu pagi dan madrasah pada waktu petang. Dengan itu, mereka akan mendapat dua sijil kelulusan. Sekarang ini mereka harus memilih samada belajar di sekolah atau belajar di madrasah yang masanya sekarang sama-sama pagi.<sup>14</sup>

### **3.9 PENGAJIAN IBU-IBU SURAU NURUL-HIDAYAH DESA KOTO DIAN**

Sejarah berdirinya Surau Nurul-Hidayah Koto Dian Pulau Tengah merupakan sejarah yang kurang di ketahui. Surau ini telah wujud sejak pra kemerdekaan iaitu semasa penjajahan Belanda dan Jepun. Surau ini dibina di atas tanah swadaya masyarakat. Pada mulanya, surau ini diberi nama Surau Hitam kerana pada ketika itu surau ini menggunakan warna hitam dan dijadikan tempat pengumpulan mangsa penjajahan baik yang luka untuk diubati mahupun yang telah meninggal untuk dikebumikan.

Setelah kemerdekaan 17 ogos 1945, Surau Hitam ditukar warnanya menjadi putih untuk menghilangkan misteri di dalam dan sekitar surau dan namanya ditukar menjadi Surau Putih. Pada tahun 1973, Surau Putih pernah dijadikan tempat belajar sementara murid SDN 80/III Koto Dian sebelum mereka mempunyai bangunan sendiri.

---

<sup>14</sup> Temu bual Saidah Amin Nuh, Setiausaha MI 10/E-3 Koto Dian pada 25 Sep 2009 bertempat di MI 10/E-3 Koto Dian.

Sekarang ini, SDN 48/III Koto Dian telah dipindah ke tanah swadaya masyarakat di Nyiur Melambai.<sup>15</sup>

Pada tahun 2007, Surau Putih dirasmikan oleh masyarakat dan ditukar namanya menjadi Surau Nurul-Hidayah agar selaras dengan nama-nama bangunan dan tempat pendidikan atau pengajian yang lebih moden. Surau Nurul-Hidayah sekarang ini digunakan sebagai tempat pengajian dan tempat ibadah keagamaan, bahkan juga digunakan sebagai tempat perbincangan masyarakat jika ada yang perlu dibincangkan baik hal keagamaan ataupun hal adat istiadat dan tidak terkecuali masalah masyarakat.

### **3.10 SEKOLAH DASAR NEGERI 80/III DESA KOTO DIAN**

Sekolah Dasar (SD) pada mulanya menggunakan nama sekolah SD1 hingga SD4 berlokasi di desa Koto Tuo Pulau Tengah. Kemudian masing- masing sekolah mencari lokasi sendiri. Sekolah Dasar Negeri 80/III Koto Dian (SD4) dapat lokasi di Surau Nurul-Hidayah yang waktu itu Surau Nurul-Hidayah masih menggunakan nama Surau Putih. Kemudian berpindah ke lokasi tanah swadaya masyarakat dengan pernyataan LMD/ LKMD besar Koto Dian yang diadakan serah terima pada tahun 1969 yang beralamat Jalan Nyiur Melambai. Sekolah ini mula digunakan pada tahun 1973-1974, dengan keadaan tempat belajar yang beratap rumbai dan berdindingkan buluh. Kemudian pada tahun 1983, SD 80/III diubahsuai oleh kerajaan dengan bangunan batu. Sementara itu, proses pembelajaran berpindah ke lokasi bangunan pemuda. Pada masa ini, bangunan pemuda merupakan Madrasah Ibtidaiyah Telago Pulau Tengah dan sudah mempunyai pelajar Madrasah Ibtidaiyah Swasta ( MIS) yang belajar pada waktu petang, manakala waktu belajar untuk pelajar SD 80/III dilaksanakan pada waktu pagi. Pada

---

<sup>15</sup> Temu bual Sri Sukaisih Jamal Soleh Murabbi, Ketua Umum Yasianan Surau Nurul-Hidayah pada 17 Sep 2009 bertempat di Rumah Jalan Surya Pagi Koto Dian.

tahun 1984-1985, proses pengajaran dan pembelajaran SD 80/III kembali ke tempat asal iaitu tanah swadaya masyarakat di Nyiur Melambai sehingga sekarang. Walaupun keadaan sekolah masih kukuh, namun pihak kerajaan telah mulai mengubahsuai kerana keadaan lokasi terlalu rendah dari air sungai sehingga kerap kali berlaku banjir.

Sekolah ini diserahkan atas nama Sekolah Dasar Negeri Koto Dian Pulau Tengah pada 28-7-1984 dengan lebar 28M, panjang 78M, berlokasi sebelah utara Desa Koto Dian Pulau Tengah. Anggota Lembaga Masyarakat Desa (LMD) atau Lembaga Koperasi Masyarakat Desa (LKMD) yang menyerahkan tanah adalah sebagaimana jadual 3.4.<sup>16</sup>

Jadual 3.4: Nama-nama Tokoh LMD atau LKMD yang Menyerahkan Tanah Tahun 1984.

NO	NAMA	ANGGOTA
1	Hj Nukman Nuh	Anggota Adat
2	Nazaruddin Hamzah	Cendikiawan
3	Buchari Ishak	Anggota Adat
4	Abdullah Latif	Alim Ulama
5	Jalaluddin Umar	Ketua Pemuda
6	Ishak Arsadi	Ketua Kampung

Sumber Data: Dokumentasi SDN 80/III Koto Dian, Tahun Pelajaran 2009

### 3.11 TEMPAT PENGAJIAN ANAK NURUL-HAK DESA KOTO DIAN

Desa Koto Dian Pulau Tengah masih mengekalkan pengajian di rumah guru, iaitu anak-anak belajar membaca al-Quran di rumah guru. Pembelajaran di rumah guru ini wujud sejak pra kemerdekaan. Terdapat tiga Tempat Pengajian Anak (TPA) di Desa Koto Dian iaitu TPA Nurul-Hak yang mempunyai 57 murid, TPA al-Ikhlas 37 murid dan TPA Nurul-Hak 52 murid. Murid yang belajar di tiga tempat ini bukan sahaja terdiri dari

<sup>16</sup> Temu bual Tuti Sumira Abduridho, Setiausaha SDN 80/III Koto Dian pada 19 Sep 2009 bertempat di SDN 80/III Koto Dian.

anak desa tempatan, malah mereka bercampur dengan pelajar dari desa sekitarnya seperti Desa Koto Tuo dan sebagainya. Kebiasaannya anak-anak dan ibubapa akan memilih tempat pengajian al-Quran mengikuti tempat yang mereka minati.

Guru-guru al-Quran Desa Koto Dian mengajarkan tanpa mendapat bayaran atau gaji samada dari individu, masyarakat atau kerajaan. Mereka sama dengan pegawai adat yang menerima zakat sekali setahun sekali dengan jumlah yang tidak ditetapkan.

Tahap pendidikan guru yang mengajar al-Quran di TPA tidak memiliki sijil pengajian tinggi dalam bidang pengajian Islam atau ilmu al-Quran tetapi mereka mempunyai kemahiran yang tinggi. Mereka belajar secara peribadi di rumah-rumah guru atau tempat pengajian yang dianjurkan oleh masyarakat. Selain bertugas sebagai guru di TPA, sebahagian guru juga mengajar agama di Masjid dan Musalla sehingga mereka tergolong dalam golongan orang yang dihormati dan disegani.

Di antara TPA di Desa Koto Dian Pulau Tengah, TPA Nurul-Hak dipilih sebagai sampel kajian kerana TPA ini sudah lama ditubuhkan. Ia ditubuhkan semenjak 12 tahun yang lalu meskipun pernah ditutup dan dibuka kembali pada tahun 1997. Tempat pengajian ini berada di tengah kehidupan kampung. Ianya dilengkapi peralatan pengajian yang seadanya sahaja.<sup>17</sup>

---

<sup>17</sup> Temu bual Mujahidin Kasim Rahaman, Pengasas dan Guru TPA Nurul-Hak Koto Dian pada 27 Sep 2009 bertempat di TPA Nurul-Hak Koto Dian.

### 3.12 KESIMPULAN

Sejarah masyarakat Islam di desa Koto Dian Pulau Tengah banyak bercirikan budaya Minangkabau kerana Kerinci sebelum ini termasuk dalam daerah Minangkabau. Lembah Kerinci dikenali sebagai tempat bermukimnya masyarakat melayu tua yang disebut suku Kerinci. Kerinci terpisah dari wilayah provinsi Sumatera Barat setelah kemerdekaan 1945 kerana perjuangan masyarakat Kerinci menentang penjajah dibantu oleh masyarakat Jambi. Setelah kemerdekaan, kebudayaan masih kekal dengan bercirikan khas tamadun Islam. Budaya yang ada masa kini merupakan peninggalan budaya sebelum Islam. Islam bertapak di Desa Koto Dian Pulau Tengah jauh sebelum dibinanya masjid Keramat tahun 1718. Masjid ini merupakan masjid tertua di kabupaten Kerinci.

Pendidikan Islam sebelum kemerdekaan bercorakkan pendidikan tidak formal dan belajar di rumah-rumah guru. Setelah belajar di rumah guru, masyarakat merantau mencari ilmu dengan guru-guru di perantauan kemudian mengajarkan ilmu tersebut di kampung halaman. Setelah kemerdekaan dan terbentuknya pemerintahan kerajaan, pendidikan tidak formal diambil alih oleh kerajaan terutama pendidikan yang berbentuk intitusi. Sehingga kini, pelaksanaan pendidikan Islam mempunyai dua corak iaitu pendidikan formal dan tidak formal. Kedua-dua pendidikan ini mempunyai pengaruh yang kuat dalam masyarakat untuk menghasilkan pemimpin ilmuan Islam.